



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA



UNICEF

BUDAYA, PANTANG LARANG DAN AMALAN KESIHATAN ORANG ASLI SEMENANJUNG MALAYSIA



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
dengan kerjasama
UNITED NATIONS CHILDREN'S FUND
(UNICEF)

DISEMBER 1998

Cetakan Pertama 1998

© KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini, tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Paras 7, Blok J, Pusat Bandar Damansara, 50604 Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli Semenanjung Malaysia.

ISBN 983-9229-60-5

I. Indigenous people—Semenanjung Malaysia—Social life and customs. I. Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum.

II. United Nations Children's Fund.

306.089992305951

306.089992305951
L115
f ✓

Dicetak oleh

Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.
No. 12 Jalan 4/118C, Desa Tun Razak,
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9731997, 9732004
Fax: 603-9731835

APB 982763
SASAKHAR PEMERINTAHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

06 JUL 2000

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	Prakata	i
	Pendahuluan	ii
	Summary	iii
	Senarai Jawatankuasa Penggubal Buku Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli	v
	Penghargaan	vi
	Sejarah Kedatangan Orang Asli Ke Tanah Melayu	1
	Taburan Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Bangsa	3
1	Suku Kaum Jakun	5
2	Suku Kaum Temuan	15
3	Suku Kaum Jahut	27
4	Suku Kaum Temiar	35
5	Suku Kaum Mah Meri	43
6	Suku Kaum Seleter	51
7	Suku Kaum Semai	61
8	Suku Kaum Semelai	91
9	Suku Kaum Orang Laut	109
10	Suku Kaum Orang Jahai	113

PRAKATA

Bersyukur kepada Allah s.w.t. dengan izinNya, satu buku panduan tentang budaya, pantang larang dan amalan kesihatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia telah dapat disediakan.

Buku panduan ini diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan, khusus dalam penyediaan kurikulum bagi program khas sekolah Orang Asli dan juga dalam penyediaan guru peringkat tertentu program tersebut. Ia selaras dengan salah satu Sasaran Kerja Utama (SKU) Kementerian Pendidikan pada tahun 2000 di mana sekolah JHEOA yang diambilalih akan disediakan dengan guru-guru terlatih mengikut keperluan.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah mengambil inisiatif menyediakan buku panduan ini pada tahun 1997. Usaha-usaha menyediakan buku panduan tersebut telah dibuat dengan bantuan kewangan daripada pihak United Nations Children's Fund (UNICEF) melalui Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia dalam urusan percetakan.

Bagi pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama menghasilkan buku panduan ini.



(DR. NOOR AZMI BIN IBRAHIM)
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kuala Lumpur
1 Disember 1998.

PENDAHULUAN

Salah satu Sasaran Kerja Utama (SKU) Kementerian Pendidikan tahun 2000 ialah semua sekolah JHEOA yang diambilalih akan disediakan dengan guru-guru terlatih mengikut keperluan. Bagi mencapai SKU tersebut, beberapa langkah telah dikenalpasti. Antaranya ialah memastikan guru-guru bersedia mengajar di sekolah Orang Asli. Seiringan dengan usaha tersebut guru-guru seharusnya dibekalkan dengan panduan dan pengetahuan tentang latar belakang kaum Orang Asli.

Pada tahun 1995, satu kajian tentang budaya, pantang larang dan amalan kesihatan Orang Asli telah dijalankan, diikuti dengan beberapa siri bengkel menulis buku panduan. Bengkel-bengkel tersebut yang telah disertai oleh pelbagai suku bangsa Orang Asli di Malaysia dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah diadakan di Ipoh, Melaka dan Kuantan. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah mengendalikan dan menyelaraskan bengkel-bengkel tersebut dengan peruntukan Pusat itu sendiri.

Buku panduan ini mengandungi 10 bab yang menerangkan tentang sosio budaya, kepercayaan, pantang larang, adat resam, dan amalan kesihatan 10 suku bangsa Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Suku bangsa tersebut terdiri daripada Jakun, Temuan, Jahut, Temiar, Mah Meri, Orang Seletar, Semai, Semelai, Orang Laut, dan Jahai.

Setiap suku bangsa mempunyai latar belakang, kepercayaan, adat resam, budaya dan amalan kesihatan yang berbeza. Namun demikian, kebanyakan suku bangsa ini berkefahaman 'animisme', iaitu mempunyai kepercayaan kuat kepada kuasa-kuasa 'ghaib' dan makhluk 'halus' yang berbentuk binatang.